

NO. KAD
PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--



MODUL JAWAB UNTUK JAYA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025
PENDIDIKAN MORAL
Kertas 1 / Set 1
2 jam 30 minit

1225/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- Kertas peperiksaan ini mengandungi: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
- Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A**, satu soalan daripada **Bahagian B** dan semua soalan daripada **Bahagian C.**
- Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
- Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
B	6 (a)	2	
	6 (b)	8	
	7 (a)	2	
	7 (b)	8	
C	8 (a)	4	
	8 (b)	8	
	8 (c)	8	
	9 (a)	4	
	9 (b)	8	
	9 (c)	8	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 22 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]



Bahagian A

[50 markah]

Jawab semua soalan

1. Gambar berikut berkaitan penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan remaja.



- (a) Berikan contoh aplikasi media sosial yang lain.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Huraikan kesan penggunaan media sosial tanpa kawalan terhadap remaja.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Gambar berikut berkaitan norma masyarakat Malaysia.



Dahulu



Kini

Terangkan perubahan aktiviti masa lapang remaja dahulu dan kini.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Gambar berikut berkaitan rondaan di kawasan kejiranan.



Agenda kerja 'KRT Selamat' akan digerakkan melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang berperanan untuk meronda dan mengawal mana-mana premis atau lokasi di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sumber : Diubah suai daripada Utusan TV, 28 Februari 2021

- (a) Apakah perasaan anda apabila melibatkan diri dalam aktiviti tersebut?
Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Nyatakan amalan perpaduan yang sering dijalankan di kawasan kejiranan anda.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Sebagai jiran tetangga, bagaimanakah anda dapat membantu semasa aktiviti rondaan rukun tetangga?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. Piagam pelanggan berikut berkaitan integriti organisasi.

PIAGAM LAYANAN ADIL PELANGGAN

Kumpulan CIMB menyasarkan untuk memperkasakan pelanggan dan masyarakat, sejajar dengan usaha kami dalam menyokong dunia perkhidmatan perbankan yang lebih segar dan mampan. Keperluan pelanggan adalah kepentingan kami dan kami komited dalam memberikan tahap perkhidmatan pelanggan yang tertinggi dengan melayan pelanggan dengan adil, walau apa pun keperluan mereka.

KEPERCAYAAN pelanggan adalah amat penting kepada kami dan kami berjanji untuk:



1. Urus niaga yang adil

Kami komited untuk memastikan Pelanggan kami sentiasa yakin ketika berurusan dengan kami. Layanan yang adil dan memberikan yang terbaik untuk pelanggan adalah teras kepada budaya dan nilai Kumpulan CIMB.

- i. Kami akan konsisten untuk memberikan layanan yang adil dan sebaik mungkin kepada Pelanggan kami.
- ii. Kami akan melatih kakitangan, wakil dan ejen kami untuk bertindak dengan cekap, adil dan berintegriti apabila berurusan dengan Pelanggan kami.
- iii. Kami akan mengamalkan prinsip Layanan Adil kepada Pelanggan (TCF) dalam setiap aspek tadbir urus dan operasi bagi memastikan komitmen kami kepada pelanggan sentiasa terpelihara.

Sumber : <https://www.cimb.com.my>

- (a) Apakah tujuan piagam pelanggan diwujudkan?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b)

Piagam Pelanggan:

Satu dokumen rasmi yang menyatakan janji dan komitmen sesebuah organisasi terhadap pelanggannya berhubung standard kualiti perkhidmatan yang akan disampaikan.

Huraikan implikasi pengabaian piagam pelanggan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Jelaskan amalan integriti yang perlu diamalkan oleh pekerja dalam sesebuah organisasi.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4. Situasi berikut menunjukkan seorang murid melihat salah laku di sekolah.

Ah Seng ternampak rakannya, Jason sedang membuka beg rakan sekelasnya lalu mengambil wang. Dia mencurigai Jason dan bertindak melaporkan kepada guru disiplin. Akibatnya Jason telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah.

- (a) Nyatakan ciri-ciri nilai kerohanian yang perlu ada pada Jason.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Huraikan kepentingan nilai kerohanian yang ada pada Ah Seng.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Ramalkan implikasi sekiranya nilai kerohanian diabaikan oleh generasi muda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

5. Berikut merupakan logo ASEAN.



Sumber : Infografik Internet 04 September 2023

- (a) Hubungan antarabangsa meliputi interaksi antara negara dan organisasi di peringkat global.

Senaraikan **dua** negara yang menganggotai ASEAN.

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Huraikan kepentingan hubungan Malaysia dengan negara luar dari segi :

i) Ekonomi

.....

.....

.....

ii) Keselamatan

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Terangkan cabaran yang dihadapi negara dalam menjalinkan kerjasama pada peringkat global.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[10 markah]

*Jawab mana-mana **satu** soalan daripada bahagian ini.*

6. Gambar berikut menunjukkan sebuah keluarga bahagia.



- (a) Nyatakan ciri integriti keluarga.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Huraikan amalan integriti yang perlu ada pada setiap anggota keluarga.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

CUPTAHANG 2025

[8 markah]

7. Maklumat berikut menunjukkan kejayaan Malaysia.



Sumber : Instagram @iesf_official

- (a) Nyatakan permainan sukan elektronik (e-sukan) yang dipertandingkan di peringkat dunia.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Huraikan kepentingan kejayaan negara dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

CUPTAFHANG 2025

[8 markah]

Bahagian C

[40 markah]

Jawab semua soalan

8. Situasi berikut berkaitan integriti individu.

Mary Jane menyertai pertandingan reka cipta di sekolah. Beberapa hari sebelum pertandingan, dia ternampak salah seorang peserta lain secara tidak sengaja meninggalkan bahan prototaip mereka tanpa pengawasan. Mary Jane menyedari bahawa dia boleh meniru idea tersebut tetapi dia tidak berbuat demikian.

- (a) Berikan amalan integriti yang ada pada Mary Jane.

[4 markah]

- (b) Terangkan kepentingan integriti.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[8 markah]

- (c) Huraikan implikasi pengabaian amalan integriti dalam kehidupan seharian.

[8 markah]

UPTAHANG 2025

UPTAHANG 2025

UPTAHANG 2025

9. Berikut merupakan infografik sindiket 'Job Scam'



Sumber : Bernama

- (a) Nyatakan etika penggunaan sumber dan penyebaran maklumat untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan tersebut.

[4 markah]

- (b) Terangkan implikasi sekiranya anda adalah mangsa eksploitasi 'Job Scam'.

[8 markah]

- (c) Penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat merupakan punca yang mencetuskan isu negatif.

Justifikasikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[8 markah]

U.P.A.H.A.N.G 2025

UPTAHANG 2025

[illegible]

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

MODUL JAWAB UNTUK JAYA (JUI) 2025

SKEMA PEMARKAHAN
PENDIDIKAN MORAL (1225/1)
Kertas 1 / Set 1

Soalan	Penerangan/Contoh	Markah																		
1(a)	F1 Whatsapp F2 Telegram F3 Twitter / X F4 Instagram F5 Pinterest F6 Snapchat F7 Youtube F8 Discord F9 Reddit (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 2m]																		
1(b)	F1 Bersikap individualistik H1 Kurang beradab F2 Hubungan sosial terjejas H2 Kurang komunikasi F3 Hilang motivasi / fokus belajar H3 Akademik merosot F4 Kurang aktiviti fizikal H4 Kesihatan terjejas F5 Peningkatan risiko buli siber H5 Terpengaruh dengan kandungan tidak sesuai (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 4m]																		
1(c)	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Remaja Dahulu</th><th>Remaja Kini</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>F1</td><td>Bermain permainan tradisional</td><td>Bermain permainan video / e-sukan secara dalam talian.</td></tr> <tr> <td>F2</td><td>Menonton wayang gambar / drama pentas</td><td>Menonton filem / siri TV</td></tr> <tr> <td>F3</td><td>Menulis surat / berbalas poskad</td><td>Berkomunikasi melalui media sosial</td></tr> <tr> <td>F4</td><td>Membaca buku/majalah</td><td>Mengikuti kursus digital, webinar / mencipta kandungan kreatif</td></tr> <tr> <td>F5</td><td>Membantu keluarga / bergotong-royong</td><td>Menyertai aktiviti sukarelawan digital / program secara maya.</td></tr> </tbody> </table> (Mana-mana jawapan yang munasabah)		Remaja Dahulu	Remaja Kini	F1	Bermain permainan tradisional	Bermain permainan video / e-sukan secara dalam talian.	F2	Menonton wayang gambar / drama pentas	Menonton filem / siri TV	F3	Menulis surat / berbalas poskad	Berkomunikasi melalui media sosial	F4	Membaca buku/majalah	Mengikuti kursus digital, webinar / mencipta kandungan kreatif	F5	Membantu keluarga / bergotong-royong	Menyertai aktiviti sukarelawan digital / program secara maya.	1 1 1 1 1 [Mak 4m]
	Remaja Dahulu	Remaja Kini																		
F1	Bermain permainan tradisional	Bermain permainan video / e-sukan secara dalam talian.																		
F2	Menonton wayang gambar / drama pentas	Menonton filem / siri TV																		
F3	Menulis surat / berbalas poskad	Berkomunikasi melalui media sosial																		
F4	Membaca buku/majalah	Mengikuti kursus digital, webinar / mencipta kandungan kreatif																		
F5	Membantu keluarga / bergotong-royong	Menyertai aktiviti sukarelawan digital / program secara maya.																		

2(a)	F1	Gembira / Bangga / Bersyukur	1
	F2	Mengeratkan hubungan antara jiran	1
	F3	Memupuk perasaan simpati / empati	1
2(b)	F4	Mengisi masa lapang	1
	F5	Kawasan kejiranan lebih selamat	1
		(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 3m]
2(b)	F1	Gotong royong	1
	F2	Sukaneka / sukan rakyat	1
	F3	Majlis keramaian/ rumah terbuka/ majlis hari jadi / kenduri kahwin	1
2(c)	F4	Aktiviti cinta akan negara / kibarkan Jalur Gemilang	1
	F5	Aktiviti kelestarian alam sekitar / penanaman semula pokok	1
		(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 3m]
2(c)	F1	Menyertai secara aktif dalam aktiviti rondaan	1
	F2	Menjadi mata dan telinga	1
	F3	Mendaftar sebagai peserta rondaan	1
	F4	Mengikut jadual yang ditetapkan	1
	F5	Membawa peralatan asas seperti lampu suluh/telefon bimbit	1
	F6	Mengajak rakan / jiran / ahli keluarga	1
		(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 4m]

3(a)	F1	Meningkatkan kepuasan pelanggan	1
	F2	Sistem dan proses kerja berjalan lancar	1
	F3	Matlamat organisasi menjadi lebih jelas	1
	F4	Misi dan visi tercapai	1
	F5	Meningkatkan produktiviti	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		
3(b)	F1	Pelanggan hilang keyakinan terhadap organisasi	1
	H1	Menjatuhkan imej sesebuah organisasi	1
	F2	Sikap individualistik mengatasi kerja berpasukan.	1
	H2	Mutu kerja atau perkhidmatan merosot.	1
	F3	Menimbulkan konflik antara pekerja	1
	H3	Wujud persekitaran negatif dalam organisasi	1
(Mana-mana jawapan yang munasabah)			[Mak 4m]
3(c)	F1	Merahsiakan semua maklumat organisasi	1
	H1	Tidak membocorkan keputusan mesyuarat dalaman	1
	F2	Mengelakkan penyalahgunaan kuasa	1
	H2	Meluluskan projek / tender kepada syarikat yang layak	1
	F3	Laporan berkaitan kewangan mengikut peraturan	1
	H3	Menyediakan dokumen rasmi yang sah	1
(Mana-mana jawapan yang munasabah)			[Mak 4m]

4(a)	F1	Mematuhi peraturan sekolah / disiplin	1
	F2	Berpegang teguh kepada ajaran agama / moral	1
	F3	Berakhlak mulia	1
	F4	Menjaga maruah diri	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[Mak 2m]
	F1	Mengelakkan individu melakukan perkara yang ditegah oleh agama	1
	H1	Membentuk akhlak yang mulia	1
	F2	Menjadi suri teladan	1
	H2	Inspirasi kepada orang lain	1
4(b)	F3	Melahirkan individu berfikiran wajar	1
	H3	Keputusan yang dibuat betul dan benar	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[Mak 4m]
	F1	Berlaku keruntuhan akhlak dan sosial	1
	H1	Kurangnya didikan agama / moral	1
	F2	Peningkatan masalah sosial / jenayah	1
	H2	Pergaulan bebas, zina, dan kegiatan tidak bermoral	1
	F3	Hilang rasa malu	1
	H3	Menjejaskan imej diri sendiri, keluarga	1
4(c)	F4	Kemerosotan integriti dan jati diri generasi muda	1
	H4	Menjejaskan pembangunan bangsa dan negara	1
	F5	Individualistik	1
	H5	Mewujudkan sikap angkuh / sombong	1
	F6	Materialistik	1
	H6	Tamak	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[Mak 4m]

5(a)	F1	Malaysia	1
	F2	Indonesia	1
	F3	Brunei	1
	F4	Singapura	1
	F5	Thailand	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[Mak 2m]
5(b)	<u>Ekonomi</u>		
	F1	Mempelbagaikan sumber ekonomi	1
	H1	Membuka peluang pekerjaan	1
	F2	Menarik pelabur asing	1
	H2	Meningkatkan pendapatan negara	1
	<u>Keselamatan</u>		
	F3	Membanteras jenayah antarabangsa	1
	H3	Kawalan sempadan negara terjamin	1
	F4	Membina hubungan dunia yang selamat	1
	H4	Menjamin keamanan negara	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[Mak 4m]
5(c)	F1	Kepelbagaian budaya dan bahasa	1
	H1	Mempunyai latar belakang budaya, agama yang berbeza	1
	F2	Kedudukan geografi sesebuah negara	1
	H2	Perbezaan iklim / bentuk muka bumi / waktu berbeza / jarak	1
	F3	Perbezaan ideologi	1
	H3	Menyebabkan salah faham, ketegangan, dan kesukaran dalam mencapai persetujuan	1
	F4	Ketidakstabilan nilai mata wang negara	1
	H4	Ketidakseimbangan ekonomi antara negara	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[Mak 4m]

6(a)	F1 Mempunyai hubungan yang erat F2 Saling mencintai anggota keluarga F3 Pegangan agama yang kuat F4 Melaksanakan peranan sebagai ahli keluarga F5 Amanah F6 Saling mengambil berat (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 [Mak 2m]
6(b)	Contoh jawapan • Saling mencintai anggota keluarga • Memuliakan anggota keluarga yang lebih tua • Menyelesaikan pertelingkahan keluarga dengan aman. • Mendidik anggota keluarga dengan ajaran agama dan kepercayaan • Membimbing anggota keluarga • Melakukan amalan keagamaan bersama-sama • Menjaga kerahsiaan anggota keluarga • Imej keluarga terjamin. • Mengelakkan konflik • Sentiasa melibatkan warga tua dalam aktiviti keluarga • Mendengar nasihat warga tua • Membawa warga tua melancong bersama-sama (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 8m]

7(a)	F1 Arena of Valor (versi Sukan Asia) F2 Dota 2 F3 League of Legends F4 FIFA (oleh EA Sports) F5 PUBG Mobile (versi Sukan Asia) (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 [Mak 2m]
7(b)	Contoh jawapan • Imej negara meningkat • Menarik perhatian dunia • Meningkatkan keyakinan negara lain • Menjadi suri teladan / sumber rujukan negara luar • Ekonomi negara berkembang • Menarik pelabur asing • Projek global • Peluang pekerjaan bertambah • Meningkatkan sektor pelancongan • Menarik minat pelancong • Memajukan IKS • Pengiktirafan antarabangsa terhadap kepakaran dalam negara • Perkongsian / peningkatan ilmu • Memiliki sumber manusia yang berkualiti tinggi / kredibiliti (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 8m]

8(a)	F1 Mengelakkan plagiat F2 Berusaha sendiri mencapai kejayaan F3 Amanah F4 Berpegang kepada etika / nilai moral F5 Mematuhi peraturan (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 [Mak 4m]
8(b)	Contoh jawapan N1 Rasional N2 Bertanggungjawab N3 Kejujuran N4 Kepercayaan kepada Tuhan N5 Harga diri N6 Kerajinan • Meningkatkan imej diri • Mendapat keyakinan orang lain • Menjadi suri teladan • Disegani orang ramai • Dipercayai orang lain • Melahirkan individu yang berpegang pada ketinggian prinsip moral dan etika. • Dapat membezakan antara yang betul dan salah / wajar • Berusaha bersungguh-sungguh • Membentuk jati diri • Tidak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif / anasir subversif • Berpendirian teguh (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 8m]

8(c)	Contoh jawapan • Hilang kepercayaan orang lain • Bercakap bohong / menipu • Tidak menunaikan janji • Hubungan peribadi / profesional akan terjejas • Peningkatan gejala sosial • Jenayah / rasuah / penipuan / penyalahgunaan kuasa meningkat • Cenderung melakukan perbuatan yang merugikan masyarakat • Imej / reputasi diri tercemar • Dipandang rendah oleh masyarakat • Masa depan terjejas • Tekanan emosi / kemurungan • Berdepan dengan konflik dalaman • Menjejaskan kesihatan mental • Kualiti hidup terjejas (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 8m]
------	--	----------

9(a)	F1 Memastikan kesahihan maklumat F2 Dapatkan pengesahan daripada sumber yang dipercayai F3 Mengenal pasti sumber rujukan F4 Tidak memberikan maklumat peribadi kepada pihak yang diragui F5 Menggunakan platform yang mempunyai pengesahan majikan F6 Melaporkan kes penipuan (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 [Mak 4m]
9(b)	Contoh jawapan • Menjatuhkan imej / reputasi diri • Menjejaskan nama baik • Rasa malu / rendah diri / kecewa / marah • Menyebabkan trauma / hilang kepercayaan • Terdedah kepada ancaman keselamatan diri • Maklumat peribadi disalahguna • Ketakutan / kebimbangan • Risiko bahaya menjadi sasaran penjenayah • Mencetuskan konflik diri / pertengkaran • Kemurungan / tekanan emosi / mental • Hubungan keluarga / rakan / masyarakat terjejas • Menanggung beban hutang (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 8m]

9 (c)	Contoh jawapan N1 Rasional N2 Bertanggungjawab N3 Kejujuran N4 Harga diri N5 Berdikari • Terdesak mencari pekerjaan • Kesempitan kewangan • Tertarik dengan ganjaran yang lumayan • Kurang kesedaran • Terburu-buru membuat keputusan • Mudah terpedaya / terpengaruh / eksploitasi • Tidak menyelidik pekerjaan yang ditawarkan • Materialistik • Ingin cepat kaya / tamak • Ingin gaya hidup mewah • Perkembangan teknologi • Kemahiran digital yang rendah / buta IT • Kebergantungan kepada media sosial • Mengabaikan semakan fakta / kesahihan syarikat (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak 8m]
-------	---	----------

Soalan Esei : Bahagian B & C

SOALAN	PENERANGAN	MARKAH
6(b)	• Menunjukkan pemahaman dan pengetahuan yang jelas, tepat dan mendalam. • Membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif • Fakta yang tepat, jelas dan lengkap • Huraian yang terperinci dan relevan dengan isu/situasi • Contoh yang tepat dengan huraian • Olahan isi yang menarik • Kematangan pengembangan idea • Nilai universal yang tepat	Tahap 4 7-8
7(b)	• Menunjukkan pemahaman dan pengetahuan yang jelas, tepat dan mendalam.	Tahap 3 5-6
8(b)	• Membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif. • Fakta yang tepat dan lengkap. • Huraian yang terperinci dan relevan dengan isu / situasi	
8(c)	• Contoh yang sesuai dengan huraian. • Olahan isi yang menarik	
9(b)	• Nilai universal yang tepat	
9(c)	• Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas. • Fakta yang terhad • Huraian kurang mendalam dan kurang relevan dengan isu / situasi. • Contoh kurang sesuai • Pengolahan sederhana	Tahap 2 3-4
	• Jawapan ringkas • Jawapan tanpa huraian lengkap • Contoh tidak diberi	Tahap 1 1-2
	JUMLAH	[Mak 8m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT